



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN PELAKSANAAN AKTIVITI MODUL LITERASI AWAL (MULA) TERHADAP KEMAHIRAN LITERASI AWAL KANAK-KANAK TASKA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
ii

KESAN PELAKSANAAN AKTIVITI MODUL LITERASI AWAL (MULA) TERHADAP KEMAHIRAN LITERASI AWAL KANAK-KANAK TASKA

JUPPRI BIN BACOTANG



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
iii

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

22 FEBRUARI 2012

JUPPRI BIN BACOTANG
M20092001107



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
iv



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Untuk ayah dan ibu, serta adik-beradik yang tersayang...

Bacotang bin Rubbama
Hjh. Matang binti Lahasang

Kardina binti Bacotang
Samsuri bin Bacotang
Samsudin bin Bacotang
Jumardi bin Bacotang
Jumadil Ahir bin Bacotang
Juhardi bin Bacotang
Kamriana binti Bacotang
Sarina binti Bacotang

Sesungguhnya; doa, sokongan, dan kasih sayang kalian sentiasa memberi kekuatan dan membantu ku dalam menghadapi arus kehidupan yang penuh dengan pancaroba...



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
iv



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Syukur alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurnia daripada Allah SWT yang memberi ruang dan waktu untuk melengkapkan penulisan kajian ini dengan jayanya. Namun, kajian yang begitu berharga dan bermakna ini tidak mungkin wujud tanpa keredhaan Allah SWT yang mengurniakan kesejahteraan diri, kekuatan mental dan fizikal, dan kejadian semangat dan azam yang membara dalam sanubari ini. Dalam meneruskan dan menempuh ranjau-ranjau perjalanan demi menguasai ilmu penyelidikan ini, saya tidak berkeseorangan tetapi dikelilingi oleh individu-individu berhati mulia dan insan-insan tersayang yang terus memberikan sokongan dan dorongan untuk saya terus menuju ke puncak kejayaan.

Selangit budi dan semesta kasih untuk ayahanda, Bacotang bin Rabbama dan ibunda, Hjh. Matang binti Lahasang. Walau pendidikan kalian tidak sesempurna mana, namun keyakinan dan kepercayaan kalian telah menyelamatkan aku daripada kebinasaan hati dan akal. Celik pandangan kalian tentang ilmu telah mendorong aku untuk terus mendambakan ilmu yang tiada penghujungnya. Segala jasa dan pengorbanan kalian terhadap ku amat besar dan tidak mungkin dapat ku balas sampai bila-bila pun. Justeru, semua itu akan ku kenang dan ku simpan dalam kamus dan diari hidup ku sehingga ke habusnafas yang terakhir.

Dengan penuh rasa hormat, saya juga mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada penyelia utama saya iaitu Dr. Mahani binti Razali. Tiada kata untuk saya gambarkan betapa besarnya budi beliau terhadap saya. Beliau sentiasa meluangkan waktu apabila saya memerlukan beliau dengan memberikan kata-kata perangsang, tunjuk ajar, bimbingan, panduan, pedoman, dan buah fikiran dengan penuh ikhlas, teliti, dan prihatin sehingga kajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Turut tidak saya nafikan, jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kerana sudi menawarkan Skim Latihan Pelajar Cemerlang UPSI untuk membiayai pengajian saya dalam peringkat Ijazah Sarjana Pendidikan. Setulus budi buat semua pensyarah dan kakitangan UPSI yang telah banyak membantu dan membimbing saya dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan terutamanya yang berkaitan dengan bidang pendidikan awal kanak-kanak dan bidang penyelidikan. Terima kasih saya ucapkan kerana selama kembali ke pangkuan Ibu Kandung Suluh Budiman, kalian telah menyuntik semangat buat diri ini untuk terus istiqamah dalam menyiapkan kajian ini.

Sekalung penghargaan juga kepada semua institusi dan badan berkaitan yang telah mengizinkan saya mendapatkan pelbagai sumber dan data untuk kegunaan kajian ini. Jika tidak, sudah tentu kajian ini sukar untuk direalisasikan dengan baik dan sempurna. Tidak dilupakan juga kepada sahabat-sahabat seperjuangan, saya ucapkan terima kasih kerana kalian sentiasa memberikan nasihat, bantuan, dan kata-kata semangat sepanjang pengajian saya. Segala kerjasama dan komitmen yang padu ini membolehkan saya menggenggam segulung ijazah buat kali kedua iaitu Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak).





ABSTRAK

Kajian tentang kemahiran literasi awal dalam kalangan kanak-kanak taska di Malaysia masih terhad dan belum berkembang dengan lebih meluas lagi. Justeru, kajian ini dijalankan terhadap kanak-kanak taska untuk mengenal pasti kesan pelaksanaan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA) terhadap kemahiran literasi awal mereka. Kajian ini berbentuk kuantitatif (kuasi-eksperimen) sepenuhnya yang melibatkan seramai 20 orang kanak-kanak berumur empat tahun yang terdiri daripada 10 orang kanak-kanak lelaki dan 10 orang kanak-kanak perempuan. Kanak-kanak tersebut dibahagikan kepada dua kumpulan secara sama rata iaitu kumpulan kawalan yang mendapat mendapat pelaksanaan aktiviti MULA dan kumpulan rawatan yang mendapat pembelajaran biasa. Kajian ini menjalankan ujian pra dan ujian pasca untuk mengenal pasti tahap kemahiran literasi awal kanak-kanak taska. Dapatkan kajian menunjukkan; (a) tahap kemahiran literasi awal semua kanak-kanak taska yang sedia ada berada pada tahap Sederhana (skor antara 8 hingga 11); (b) terdapat perbezaan skor min yang signifikan tahap kemahiran literasi awal kanak-kanak taska dalam kumpulan rawatan sebelum dan selepas mendapat pelaksanaan aktiviti MULA; (c) tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan tahap kemahiran literasi awal kanak-kanak taska dalam kumpulan kawalan sebelum dan selepas mendapat pembelajaran biasa; dan (d) terdapat perbezaan skor min yang signifikan peningkatan tahap kemahiran literasi awal antara kanak-kanak taska dalam kumpulan rawatan dengan kanak-kanak taska dalam kumpulan kawalan. Selain itu, pemerhatian berstruktur digunakan dalam kajian ini yang mengenal pasti; (e) terdapat kesimbangan k penerapan kemahiran literasi awal sepanjang pelaksanaan aktiviti MULA. Kajian ini juga menggunakan skor rubrik yang mendapati; (f) pelaksanaan aktiviti MULA adalah bersesuaian untuk kanak-kanak taska. Keseluruhananya, pelaksanaan aktiviti MULA dapat meningkatkan tahap kemahiran literasi awal kanak-kanak taska.

Kata Kunci:

Modul Literasi Awal (MULA), Kemahiran Literasi Awal, Pengetahuan Cetakan, Tulisan Awal, Kesedaran Fonologikal, dan Kanak-kanak Taska.





ABSTRACT

In Malaysia, studies on early literacy skills for nursery are limited and not fully developed. Therefore, this study was conducted to identify the effectiveness of Early Literacy Module (ELM) towards early literacy skills of nursery children. This quantitative study (quasi-experiment) utilized 20 samples of nursery children aged four years old, which consists of 10 boys and 10 girls respectively. They were randomly divided into control group that received ELM implementation and treatment group that received the normal learning procedures. The study executed pre-test and post-test to identify children's early literacy skills' level. The result indicated that; (a) early literacy skills of all nursery children in this research were Moderate (score between 8 to 11); (b) there was a significant difference in mean score (early literacy skills) for children in treatment group before and after the implementation of ELM treatment; (c) there was no significant difference in mean score (early literacy skills) for children in control group before and after receive the normal learning procedures; and (d) there were significant differences in mean score of early literacy skills improvement between nursery children in treatment group and nursery children in control group. In addition, structured observations used in this study identified; (e) there was a balance of early literacy skills during the implementations of ELM activities. This study also used rubric score that concluded; (f) the implementation of ELM activities were suitable for nursery children. As overall conclusions, the implementations of ELM be able to enhanced early literacy skills of nursery children.





SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

HALAMAN JUDUL	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK DALAM BAHASA MELAYU	vi
ABSTRAK DALAM BAHASA INGGERIS	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN/SIMBOL/TATANAMA/ISTILAH	xvii



BAB SATU : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Kerangka Konseptual Kajian	9
1.5 Tujuan Kajian	10
1.6 Objektif Kajian	10
1.7 Soalan Kajian	11
1.8 Hipotesis Kajian	12
1.9 Kepentingan Kajian	13
1.10 Batasan Kajian	15
1.11 Definisi Istilah Kajian	17





1.11.1 Kesan	17
1.11.2 Pelaksanaan	17
1.11.3 Modul Literasi Awal (MULA)	18
1.11.4 Kemahiran Literasi Awal	18
1.11.5 Kanak-kanak	19
1.11.6 Taska	19
1.12 Kesimpulan	20

BAB DUA : TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	21
2.2 Teori-teori Pembelajaran Awal	22
2.2.1 Teori Perkembangan Kognitif Piaget	
2.2.2 Teori Kontekstual Vygotsky	28
2.2.3 Teori Psikolinguistik Bruner	31
2.2.4 Teori Bermain Froebel	31
2.3 Kurikulum PERMATA	34
2.4 Modul Literasi Awal (MULA)	36
2.4.1 Proses Pembinaan Modul Literasi Awal (MULA)	38
2.4.2 Hasil Pembelajaran Modul Literasi Awal (MULA)	39
2.4.3 Aktiviti Modul Literasi Awal (MULA)	39
2.4.4 Panduan Penggunaan Modul Literasi Awal (MULA)	41
2.5 Kemahiran Literasi Awal	42
2.5.1 Pengetahuan Cetakan	45
2.5.2 Tulisan Awal	50





2.5.3 Kesedaran Fonologikal	53
2.6 Kaedah Penilaian Kemahiran Literasi Awal	61
2.6.1 Penilaian Informal	62
2.6.2 Penilaian Diagnostik	63
2.6.3 Ujian Pengesanan	64
2.7 Kajian-kajian Berkaitan	66
2.7.1 Tahap Perkembangan Kemahiran Literasi Awal	
atau Kemahiran Asas Membaca	68
2.7.2 Kesan Pelaksanaan Intervensi (Modul atau Program)	75
2.7.3 Penilaian Kemahiran Literasi Awal	
atau Kemahiran Asas Membaca	83
2.8 Kesimpulan	86



BAB TIGA : METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	87
3.2 Reka Bentuk Kajian	88
3.2.1 Pendekatan Kuantitatif	90
3.2.2 Kuasi-eksperimen	91
3.2.3 Pemboleh Ubah Kajian	93
3.3 Lokasi Kajian	94
3.4 Persampelan Kajian	96
3.4.1 Umur Responden	96
3.4.2 Bilangan Responden	98
3.5 Tempoh Kajian	99





3.6	Teknik Pengumpulan Data	101
3.6.1	Ujian Pra dan Ujian Pasca	103
3.6.2	Pemerhatian Berstruktur	104
3.6.3	Skor Rubrik	106
3.7	Instrumen Kajian	107
3.7.1	Borang Maklumat Demografi Kanak-kanak	107
3.7.2	Ujian Pengesanan Tahap Kemahiran Literasi Awal	108
3.7.3	Senarai Semak Pemerhatian Pelaksanaan Aktiviti Modul Literasi Awal (MULA)	
3.7.4	Skor Rubrik Tahap Kesesuaian Aktiviti Modul Literasi Awal (MULA)	109
3.8	Kesahan	111
3.9	Kajian Rintis	
3.9.1	Indeks Kesukaran	114
3.9.2	Indeks Diskriminasi	116
3.9.3	Kebolehpercayaan	119
3.10	Prosedur Kajian dan Peranan Pengkaji	121
3.11	Analisis Data	127
3.11.1	Statistik Deskriptif	127
3.11.2	Statistik Inferensi	128
3.11	Kesimpulan	131





BAB EMPAT: DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	132
4.2 Maklumat Demografi Responden	133
4.2.1 Jantina	134
4.2.2 Umur	134
4.2.3 Agama	134
4.2.4 Etnik	134
4.2.5 Tempat Tinggal	135
4.2.6 Tahap Pendidikan Ibu Bapa	135
4.2.7 Jenis Pekerjaan Ibu Bapa	136
4.2.8 Tahap Pendapatan Ibu Bapa	137
4.3 Dapatan Kajian	138
4.3.1 Analisis Statistik Deskriptif	140
4.3.1.1 Soalan Kajian 1	141
4.3.1.2 Soalan Kajian 5	142
4.3.1.3 Soalan Kajian 6	145
4.3.2 Analisis Statistik Inferensi	146
4.3.2.1 Soalan Kajian 2	148
4.3.2.2 Soalan Kajian 3	150
4.3.2.3 Soalan Kajian 4	151
4.4 Kesimpulan	153



**BAB LIMA : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pengenalan	156
5.2	Ringkasan Kajian	157
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	160
 5.3.1 Tahap Kemahiran Literasi Awal		
	 Kanak-kanak yang Sedia Ada	160
 5.3.2 Peningkatan Tahap Kemahiran Literasi		
	 Awal Kanak-kanak	162
	 5.3.3 Penerapan Kemahiran Literasi Awal	167
	 5.3.4 Kesesuaian Aktiviti Modul Literasi Awal (MULA)	170
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	172
5.5	Batasan Kajian dan Cadangan Kajian Lanjutan	174
5.6	Kesimpulan	
	 PustakaTBainun	
	 219	tbupsi
	RUJUKAN	182

LAMPIRAN

A	Surat-menyurat	208
B	Borang Penilaian	212
C	Contoh Aktiviti Modul Literasi Awal (MULA)	222
D	Curriculum Vitae (CV)	227





SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
2.1 Aktiviti Modul Literasi Awal (MULA)	40
2.2 Perbezaan Istilah atau Program Pendidikan mengikut Kumpulan Umur Kanak-kanak	67
3.1 Reka Bentuk Ujian Pra-Pasca bagi Kumpulan-kumpulan Tidak Seimbang (<i>Nonequivalent Groups Pre-Post Tests Design</i>)	93
3.2 Tahap Perkembangan Bahasa Kanak-kanak (Umur Lingkungan Empat Tahun)	97
3.3 Pelaksanaan Aktiviti Modul Literasi Awal (MULA)	100
3.4 Tempoh Pelaksanaan Kajian di Taska	101
3.5 Teknik Pengumpulan Data berdasarkan Objektif Kajian	102
3.6 Pentafsiran Item berdasarkan Indeks Kesukaran	115
3.7 Indeks Kesukaran Ujian Pengesanan Tahap Kemahiran Literasi Awal	116
3.8 Pentafsiran Item berdasarkan Indeks Diskriminasi	117
3.9 Indeks Diskriminasi Ujian Pengesanan Tahap Kemahiran Literasi Awal	118
3.10 Pekali Kebolehpercayaan <i>Kuder Richardson 20</i>	120
3.11 Pekali Kebolehpercayaan <i>Kuder Richardson 20</i> bagi Instrumen Kajian	121
3.12 Jenis Analisis Data berdasarkan Soalan Kajian	127
4.1 Taburan Responden mengikut Demografi	133
4.2 Taburan Responden mengikut Tahap Pendidikan Ibu Bapa	136
4.3 Taburan Responden mengikut Jenis Pekerjaan Ibu Bapa	137
4.4 Taburan Responden mengikut Tahap Pendapatan Ibu Bapa	138
4.5 Garis Panduan atau <i>Cut-off Point</i> bagi Skor Min	139





4.6	Tahap Kemahiran Literasi Awal	140
4.7	Skor Tahap Kemahiran Literasi Awal Kanak-kanak Taska yang Sedia Ada	141
4.8	Penerapan Kemahiran dalam Komponen Pengetahuan Cetakan	142
4.9	Penerapan Kemahiran dalam Komponen Tulisan Awal	143
4.10	Penerapan Kemahiran dalam Komponen Kesedaran Fonologikal	144
4.11	Penerapan Komponen Utama Kemahiran Literasi Awal	144
4.12	Tahap Kesesuaian Aktiviti Modul Literasi Awal (MULA)	146
4.13	Perubahan Skor Tahap Kemahiran Literasi Awal Kanak-kanak Taska	148
4.14	Perbandingan Skor Min Tahap Kemahiran Literasi Awal (Kumpulan Rawatan)	149
4.15	Perbandingan Skor Min Tahap Kemahiran Literasi Awal (Kumpulan Kawalan)	151
4.16	Perbandingan Peningkatan Skor Min Tahap Kemahiran Literasi Awal antara Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan	152





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xvi

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	9
2.1 Proses Pembinaan Modul Literasi Awal (MULA)	38
3.1 Reka Bentuk Kajian	89
3.2 Tatacara Pengumpulan Data di Lokasi Kajian	125
3.3 Tatacara Pelaksanaan Kajian Berbentuk Kuasi-eksperimen	126



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN / SIMBOL / TATANAMA / ISTILAH

CAP	<i>Concept About Print</i>
DAS	<i>Differential Ability Scales</i>
DRA	<i>Development Reading Assessment</i>
DSC	<i>Developing Skills Checklist</i>
ELM	Early Literacy Module
EVT	<i>Expressive Vocabulary Test</i>
ExCELL	<i>Exceptional Coaching for Early Language and Literacy</i>
FACES	<i>Family and Child Experiences Survey</i>
GRTR	<i>Get Ready to Read</i>
GRTR-R	<i>Revised Get Ready to Read!</i>



GTP	Program Transformasi Kerajaan
Ho	Hipotesis Nul
H1	Hipotesis Alternatif
ID	Indeks Diskriminasi
IGDIs	<i>Individual Growth and Development Indicators</i>
IK	Indeks Kesukaran
ISMP	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
ITAL	<i>Integrating Thinking, Art and Language</i>
KAAK	Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak
KGBK	Kaedah Gabungan Bunyi-Kata
LAD	<i>Language Acquisition Device</i>
LEARNS	Alat Pengukuran Pentaksiran Literasi Kanak-kanak





LINUS	Saringan Literasi dan Numerasi
MULA	Modul Literasi Awal
Min ID	Purata Indeks Diskriminasi
Min IK	Purata Indeks Kesukaran
MLPP	<i>Michigan Literacy Progress Profile</i>
MLU	<i>Mean Length of Utterance</i>
NEPSY	Penilaian Perkembangan Neuropsikologikal
NICHD	<i>Institute of Child Health and Human Development</i>
NRP	<i>National Reading Panel</i>
PAT	<i>Phonological Ability Test</i>
PBK	Pengajaran Berbantuan Komputer
PERMATA	Program Permata Negara



PNM	Perpustakaan Negara Malaysia
PPVT-III	<i>The Peabody Picture Vocabulary Test-3rd Edition</i>
Program ADAK	Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak
SM	Sekolah Menengah
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
SR	Sekolah Rendah
Taska	Taman Asuhan Kanak-kanak
TOPEL	<i>Test of Preschool Early Literacy</i>
UNDP	Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
VABS	<i>Vineland Adaptive Behavior Scales</i>
WRAT	<i>Wide Range Achievement Test</i>
ZPD	Zon Perkembangan Proksimal





<	Kurang Daripada
=	Sama Dengan
>	Lebih Daripada
Br	Jumlah Calon dalam Kumpulan Skor Rendah Menjawab Item dengan Betul
Bt	Jumlah Calon dalam Kumpulan Skor Tinggi Menjawab Item dengan Betul
J	Jumlah Calon dalam Kedua-dua Kumpulan Skor Tinggi dan Kumpulan Skor Rendah
n	Bilangan Sampel
p	Nilai Kebarangkalian
sd	Sisihan Piawai
t	Min atau Purata
T1	Ujian Pra
T2	Ujian Pasca
X1	Rawatan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB SATU

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan beberapa aspek yang mempunyai signifikan terhadap kajian ini. Antara aspek tersebut ialah latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, batasan kajian, dan definisi istilah kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan salah satu aspek pengalaman yang paling penting dan faktor utama dalam menentukan kejayaan pendidikan kanak-kanak dalam



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



hidup mereka. Sehubungan itu, kerajaan Malaysia telah memberikan komitmen yang tinggi terhadap Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak (Program ADAK) seperti yang diusulkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (Unit Perancang Ekonomi, 2010). Pelaburan awal terhadap kanak-kanak merupakan pelaburan terhadap masa depan negara yang dapat direalisasikan dengan menganggap pendidikan awal kanak-kanak sebagai agenda nasional. Penyertaan kanak-kanak berumur antara empat hingga lima tahun dalam peringkat prasekolah juga akan dipertingkatkan daripada 67 peratus pada tahun 2010 kepada 87 peratus pada tahun 2012 (Unit Perancang Ekonomi, 2010). Kerajaan juga akan memastikan semua kanak-kanak mempunyai kemahiran literasi dan numerasi asas selepas tiga tahun mengikuti pendidikan sekolah rendah menjelang 2012 seperti yang termaktub dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) (Jabatan Perdana Menteri, 2010).



Berdasarkan laporan *Quick Facts* 2010, jumlah kanak-kanak berumur empat tahun ke bawah pada tahun 2010 ialah sebanyak 3.3 juta (11.40 peratus) daripada 28.9 juta orang rakyat Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010b). Laporan tersebut juga menunjukkan hanya 1.4 juta orang kanak-kanak berumur tiga hingga lima tahun yang mendapat pendidikan awal pada tahun 2010 di seluruh Malaysia. Justeru, penumpuan pendidikan dalam peringkat umur awal kanak-kanak terutamanya pendidikan prasekolah perlu dipertingkatkan lagi bagi mengasaskan pendidikan sepanjang hayat dalam kalangan rakyat Malaysia. Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) mendefinisikan pendidikan prasekolah sebagai program pendidikan bagi murid yang berumur empat hingga enam tahun (Lembaga Penyelidikan Undang-undang, 2004).





Walau bagaimanapun, pendidikan bagi kanak-kanak yang berumur empat tahun ke bawah masih baharu dan belum berkembang dengan lebih meluas di Malaysia (Aminah, Mastura, Rohani, Azizah, & Mahani, 2008). Kebanyakan pusat jagaan kanak-kanak seperti taska, taski, dan *nursery* hanya menyediakan perkhidmatan jagaan dan asuhan tanpa mengintegrasikan didikan awal kepada kanak-kanak (Bahagian PERMATA, 2009). Hal ini kerana kebanyakan pengusaha atau pengasuh pusat jagaan kanak-kanak di Malaysia perlu berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak (Akta 308) (Lembaga Penyelidikan Undang-undang, 1984). Berdasarkan akta tersebut, mereka diwajibkan menghadiri Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak (KAAK) yang menumpukan pada aspek asuhan dan keselamatan kanak-kanak sahaja (Bahagian PERMATA, 2009). Tambahan pula, kajian tinjauan kemahiran literasi awal yang dijalankan oleh Cooper (2008) menunjukkan 33 peratus guru taska mempercayai kanak-kanak tidak perlu diajar membaca.



Kebiasaannya, kanak-kanak memasuki taska dengan pelbagai tahap penguasaan kemahiran membaca sama ada telah lancar membaca, bersedia untuk membaca, atau memerlukan pengetahuan asas kemahiran membaca untuk menjadi pembaca yang baik (Boyer, 1991; Isahak, Abdul Rahim, Zainiah, Samri, & Nordin, 2006). Kanak-kanak yang dapat membaca dengan baik sudah tentu dapat membaca lebih banyak pengetahuan dalam pelbagai bidang seperti penulisan, matematik, sains, dan sejarah (Chall, Jacobs, & Baldwin, 1990; Stanovich, 1986). Manakala, kanak-kanak yang kurang pengalaman membaca pula menghadapi beberapa masalah yang berkaitan dengan kemahiran membaca seperti masalah kelancaran dan pemahaman, kurang membaca berbanding rakan sebaya yang lain, dan tidak mendapat kebaikan





daripada pendedahan bahasa dan perbendaharaan kata (Cunningham & Stanovich, 1998; Echols, West, Stanovich, & Zehr, 1996).

Penguasaan kanak-kanak dalam kemahiran membaca juga dianggap bermula semasa pengajaran membaca secara formal sama ada di prasekolah ataupun di sekolah rendah. Namun, kebanyakan kajian menunjukkan pembelajaran membaca merupakan proses perkembangan yang berterusan dan telah wujud sejak awal lagi yang dikenali sebagai kemahiran literasi awal (Beaty, 2009; Lonigan, 2006; Seefeldt & Wasik, 2006; Snow, Burns, & Griffin, 1998; Whitehurst & Lonigan, 1998). Menurut Seefeldt dan Wasik (2006), sebelum kanak-kanak belajar membaca dan menulis, mereka perlu mengembangkan penguasaan literasi. Para pengkaji juga mendefinisikan kemahiran literasi awal sebagai proses perkembangan asas kepada bentuk yang lebih

konvensional dalam aspek pengetahuan dan tingkah laku membaca dan menulis yang ada pada kanak-kanak (Sulzby & Teale, 1991; Teale & Sulzby, 1986; Whitehurst & Lonigan, 1998).

Kemahiran literasi awal juga merujuk pada kemahiran, pengetahuan dan tingkah laku perkembangan asas membaca dan menulis (Juel, 1988; Teale & Sulzby, 1986; Whitehurst & Lonigan, 1998). Kebiasaannya, kanak-kanak yang berisiko mengalami masalah membaca mempunyai kemahiran literasi awal yang lemah (Lonigan, Burgess, & Anthony, 2000; Storch & Whitehurst, 2002). Beberapa kajian menjelaskan kemahiran literasi awal merupakan indikator terbaik untuk mengenal pasti kanak-kanak yang mungkin menghadapi masalah membaca di prasekolah atau di sekolah rendah (Bishop & Adams, 1990; National Early Literacy Panel, 2008; Nemours Brightstart, 2008; Perfetti, Beck, Bell, & Hughes, 1987; Scarborough, 1989;





Snow et al., 1998; Stevenson & Newman, 1986; Storch & Whitehurst, 2002; Wagner, Torgesen, & Rashotte, 1994).

Scarborough (1990) menyatakan kanak-kanak yang mengalami masalah membaca atau pembaca normal pada umur persekolahan dapat dikenal pasti awal semasa mereka di taska lagi berdasarkan perbezaan dalam penguasaan bahasa, perbendaharaan kata, kesedaran fonemik, dan pengetahuan bunyi-huruf. Lonigan, Burgess, Anthony, dan Barker (1998) pula mengenal pasti kemahiran kesedaran fonologikal (misalnya rima, aliterasi, dan penggabungan) yang diperoleh semasa di taska dapat meramal kebolehan membaca kanak-kanak. Oleh itu, guru perlu memilih program atau modul pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi awal yang efisien supaya kanak-kanak dapat menguasai kemahiran membaca dengan baik



2000).

Kajian mendapati kanak-kanak daripada keluarga yang berpendapatan rendah sangat berisiko menghadapi kegagalan menguasai kemahiran literasi awal kerana mereka tidak mendapat pendedahan perbendaharaan kata (Hart & Risley, 1999; Risley & Hart, 2006), dan bahan-bahan cetakan (Baker, Scher, & Mackler, 1997; Denton, Reaney, & West, 2001). Selain itu, antara faktor-faktor yang menyebabkan kanak-kanak gagal menguasai kemahiran literasi awal ialah masalah penguasaan bahasa (Bishop & Adams, 1990; Justice & Kaderavek, 2004), masalah emosional atau tingkah laku (Hinshaw, 1992; Trout, Epstein, Mickelson, Nelson, & Lewis, 2003), dan masalah pembelajaran yang spesifik (Simmons & Kameenui, 1998). Justeru, kebanyakan kajian di Barat telah lama meningkatkan fokus mereka terhadap





kemahiran literasi awal untuk mengenal pasti kanak-kanak yang mungkin berisiko mengalami kesukaran membaca pada masa hadapan (Lonigan et al., 1999; Lonigan et al., 2000; Lonigan, Schatschneider, & Westberg, 2008; V. J. Molfese, D. L. Molfese, Modglin, Walker, & Neamon, 2004; Spira & Fischel, 2005; Storch & Whitehurst, 2002).

Sehubungan itu, kajian ini memfokuskan kemahiran literasi awal dengan melaksanakan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA) dan menjalankan Ujian Pengesahan Tahap Kemahiran Literasi Awal terhadap kanak-kanak taska. Kajian ini diharapkan dapat mengenal pasti tahap kemahiran literasi awal kanak-kanak taska, dan seterusnya melaksanakan intervensi untuk meningkatkan kemahiran literasi awal kanak-kanak tersebut. Hal ini kerana kanak-kanak yang mempunyai tahap kemahiran



literasi awal yang tinggi dapat memastikan mereka bersedia belajar membaca dan menulis apabila mereka memasuki ke alam persekolahan yang lebih formal sama ada di prasekolah ataupun di sekolah rendah (Scarborough, 1989; Whitehurst & Fischel, 2000; Whitehurst & Lonigan, 1998).

Keseluruhannya, penguasaan kemahiran membaca merupakan suatu tugas yang menyukarkan bagi kanak-kanak (Adams, 1990). Kanak-kanak memasuki taska dengan pelbagai latar belakang pengalaman dan pengetahuan kemahiran membaca (Allington & Cunningham, 1999; Natale, 2001; Novick, 1996; Stanovich 1986; Zirpoli, 2005). Sesetengah kanak-kanak tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang cukup untuk membantu persediaan mereka dalam menghadapi cabaran-cabaran di taska (Denton, Reaney, & West, 2001; Lee & Burkam, 2002; Nord, Lennon, Liu, & Chandler, 1999). Justeru, pengalaman dan pembelajaran awal





yang berkualiti, berkesan, bermakna dan menggembirakan dapat membekalkan kanak-kanak dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif sebagai persediaan untuk memasuki alam persekolahan (Mariani, 2006; Mastura, 2007; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2001). Semua asas yang dibina dalam diri kanak-kanak tersebut dapat menyumbangkan pada kemajuan keluarga, masyarakat, bangsa dan negara.

1.3 Pernyataan Masalah

Pada tahun 2005, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menjalankan Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia yang diketuai oleh Datin Prof. Rahimah Ahmad



merupakan kajian lanjutan daripada Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia pada tahun 1996 yang dijalankan sepuluh tahun sekali. Kajian tersebut mendapati kadar literasi kanak-kanak yang berumur lima hingga sembilan tahun mengalami penurunan iaitu 79 peratus pada tahun 1996 menurun kepada 75 peratus pada tahun 2005.

Pada tahun 2008 pula, Kementerian Pelajaran Malaysia menjelaskan masih terdapat 54,000 pelajar Tahun 1 (anggaran 13% daripada jumlah enrolmen pelajar Tahun 1) yang tidak menguasai kemahiran literasi (Jabatan Perdana Menteri, 2010). Menurut YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin iaitu Menteri Pelajaran Malaysia, objektif pengembangan budaya membaca dalam kalangan rakyat wajar dilihat daripada aspek memperkasa agenda nasional (Johari Ibrahim, 2010). Hal ini perlu dilaksanakan





secara bersepada dengan proses pembinaan tamadun negara, bangsa dan pembangunan modal insan.

Oleh itu, penumpuan seharusnya bermula sejak dalam peringkat awal kanak-kanak lagi untuk meningkatkan tahap literasi dan kadar membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini kerana penguasaan kemahiran literasi awal kanak-kanak yang berumur empat tahun ke bawah mempengaruhi kebolehan, penguasaan, dan minat membaca kanak-kanak pada masa hadapan (Lonigan et al., 1999; Lonigan et al., 2000; Lonigan et al., 2008; Molfese et al., 2004; Spira & Fischel, 2005; Storch & Whitehurst, 2002). Jika masalah membaca yang bermula dalam peringkat awal (pemerolehan pembacaan) tidak diatasi segera, masalah ini pasti akan berlarutan dan menjadi lebih serius sama ada di prasekolah, di sekolah rendah, mahupun di sekolah menengah (Juel, 1988, 1991; Stanovich, 1986; Snow et al., 1998; Spardocia, 2005).




Justeru, pengkaji telah membina Modul Literasi Awal (MULA) yang memfokuskan pada kemahiran literasi awal kanak-kanak seperti pengetahuan cetakan, tulisan awal, dan kesedaran fonologikal. Pengkaji juga telah menghasilkan sebuah instrumen iaitu Ujian Pengesanan Tahap Kemahiran Literasi Awal untuk mengenal pasti tahap kemahiran literasi awal kanak-kanak taska yang berumur empat tahun. Keseluruhannya, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesan pelaksanaan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA) terhadap kemahiran literasi awal kanak-kanak taska. Secara tidak langsung, kajian ini menyokong program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) yang telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk memastikan semua murid menguasai kemahiran literasi dan numerasi selepas mengikuti tiga tahun pendidikan rendah pada akhir tahun 2012 (Jabatan Perdana Menteri, 2010).



1.4 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini berlandaskan empat teori pembelajaran awal yang utama iaitu Teori Perkembangan Kognitif Piaget, Teori Kontekstual Vygotsky, Teori Psikolinguistik Bruner, dan Teori Bermain Froebel. Teori-teori tersebut dijadikan sebagai asas dan panduan dalam membina Modul Literasi Awal (MULA) supaya bersesuaian dengan kebolehan, keperluan, pengetahuan, kemahiran, dan minat kanak-kanak. Kesan pelaksanaan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA) memfokuskan pada kemahiran literasi awal kanak-kanak yang terdiri daripada pengetahuan cetakan, tulisan awal, dan kesedaran fonologikal (Whitehurst & Lonigan, 2001). Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini dengan lebih terperinci;



Rajah 1.1
Kerangka Konseptual Kajian



1.5 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesan pelaksanaan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA) terhadap kemahiran literasi awal kanak-kanak taska.

1.6 Objektif Kajian

Antara objektif kajian yang dicapai adalah seperti berikut;

- 1) Untuk mengenal pasti tahap kemahiran literasi awal yang sedia ada dalam kalangan kanak-kanak taska.
- 2) Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan skor min yang signifikan tahap kemahiran literasi awal kanak-kanak taska dalam kumpulan rawatan sebelum dan selepas mendapat pelaksanaan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA).
- 3) Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan skor min yang signifikan tahap kemahiran literasi awal kanak-kanak taska dalam kumpulan kawalan sebelum dan selepas mendapat pembelajaran biasa.
- 4) Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan skor min yang signifikan peningkatan tahap kemahiran literasi awal antara kanak-kanak taska yang mendapat pelaksanaan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA) daripada dengan kanak-kanak taska yang mendapat pembelajaran biasa.
- 5) Untuk mengenal pasti kemahiran literasi awal yang diterapkan sepanjang pelaksanaan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA) terhadap kanak-kanak taska.





- 6) Untuk mengenal pasti kesesuaian pelaksanaan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA) terhadap kanak-kanak taska.

1.7 Soalan Kajian

Secara khusus, soalan-soalan kajian adalah seperti berikut;

- 1) Apakah tahap kemahiran literasi awal yang sedia ada dalam kalangan kanak-kanak taska?
- 2) Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan tahap kemahiran literasi awal kanak-kanak taska dalam kumpulan rawatan sebelum dan selepas mendapat pelaksanaan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA)?
- 3) Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan tahap kemahiran literasi awal kanak-kanak taska dalam kumpulan kawalan sebelum dan selepas mendapat pembelajaran biasa?
- 4) Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan peningkatan tahap kemahiran literasi awal antara kanak-kanak taska yang mendapat pelaksanaan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA) dengan kanak-kanak taska yang mendapat pembelajaran biasa?
- 5) Apakah kemahiran literasi awal yang diterapkan dalam pelaksanaan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA) terhadap kanak-kanak taska?
- 6) Adakah aktiviti Modul Literasi Awal (MULA) sesuai dilaksanakan terhadap kanak-kanak taska?





1.8 Hipotesis Kajian

Hipotesis ialah kenyataan yang diramal tentang hubungan antara pemboleh ubah, iaitu kenyataan deklarasi yang menghubungkan antara pemboleh ubah secara spesifik atau umum (Mokhtar, 2011). Hipotesis juga merujuk pada hubungan logik antara dua atau lebih pemboleh ubah yang ditunjukkan dalam bentuk penilian ujian (Sekaran, 2003). Hipotesis biasanya diklasifikasikan kepada dua kategori yang utama iaitu hipotesis nul (H_0) dan hipotesis alternatif (H_1). Menurut Mok (2009), hipotesis nul menyatakan dengan jelas sesuatu nilai khusus untuk sesuatu parameter, dan biasanya menolak sesuatu andaian. Manakala, hipotesis alternatif menetapkan sokongan untuk sesuatu nilai alternatif atau beberapa nilai alternatif.



berpandukan pada soalan-soalan kajian tertentu seperti berikut;

a) Hipotesis Nul 1 bagi Soalan Kajian 2:

H_0 Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan tahap kemahiran literasi awal kanak-kanak taska dalam kumpulan rawatan sebelum dan selepas mendapat pelaksanaan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA).

b) Hipotesis Nul 2 bagi Soalan Kajian 3:

H_0 Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan tahap kemahiran literasi awal kanak-kanak taska dalam kumpulan kawalan sebelum dan selepas mendapat pembelajaran biasa.





- c) Hipotesis Nul 3 bagi Soalan Kajian 4:

Ho3 Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan peningkatan tahap kemahiran literasi awal antara kanak-kanak taska yang mendapat pelaksanaan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA) dengan kanak-kanak taska yang mendapat pembelajaran biasa.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kepada kanak-kanak, guru, ibu bapa, pihak sekolah, ahli-ahli pakar, para pengkaji, dan masyarakat umum. Dapatan kajian ini dapat memberi kesan langsung terhadap guru taska, tetapi lebih penting kepada kanak-kanak taska sendiri

kerana dapat meningkatkan tahap kemahiran literasi awal mereka. Hal ini seterusnya dapat mengurangkan masalah membaca apabila kanak-kanak memasuki ke alam persekolahan yang lebih formal sama ada di prasekolah ataupun di sekolah rendah (Scarborough, 1989; Whitehurst & Fischel, 2000; Whitehurst & Lonigan, 1998).

Tambahan pula, kajian ini membolehkan pengkaji melaksanakan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA) terhadap kanak-kanak taska yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan tahap perkembangan bahasa. Pengkaji dapat berkongsi maklumat yang diperoleh dalam kajian ini untuk membantu guru mempelbagaikan kaedah, teknik dan pendekatan yang berkesan untuk meningkatkan kemahiran literasi awal kanak-kanak. Selain itu, Ujian Pengesahan Tahap Kemahiran Literasi Awal juga dihasilkan dalam kajian ini yang boleh digunakan oleh guru dan ibu bapa untuk mengenal pasti tahap kemahiran literasi awal kanak-kanak.





Kajian ini berpotensi menyokong Program ADAK di Malaysia kerana pelaksanaan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA) disesuaikan dengan Kurikulum PERMATA dalam bidang pembelajaran Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal. Justeru, aktiviti Modul Literasi Awal (MULA) dapat menambahkan lagi aktiviti-aktiviti yang sedia ada dalam Kurikulum PERMATA yang dapat meningkatkan kemahiran literasi awal kanak-kanak. Hal ini seterusnya dapat menggalakkan perubahan sosial dalam pendidikan awal kanak-kanak dengan menggalakkan guru, ibu bapa, dan kanak-kanak untuk memahami kepentingan penguasaan kemahiran literasi awal sejak peringkat awal lagi.

Selain itu, kajian ini dapat mengembangkan dan menjelaskan teori-teori pembelajaran awal terutamanya dalam aspek kemahiran literasi awal kanak-kanak.



(Gober, 2008) menjadi asas dan panduan dalam pembinaan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA).

Kajian ini juga amat signifikan dan bersesuaian dijalankan kerana dapat menambahkan lagi kajian yang melibatkan keberkesanan suatu modul atau program terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak taska. Hal ini kerana kajian tentang keberkesanan sesuatu modul atau program terhadap perkembangan bahasa di Malaysia banyak melibatkan kanak-kanak yang berumur lima tahun ke atas sama ada di prasekolah ataupun di sekolah rendah (Choon, Kean, Nor'ain Hadhirah, & Yong, 2011; Hani Meryleina, 2004; Isahak et al., 2004; Lisa Isyqi & Lee, 2011; Mahzom &





Nor Azian, 2011; Margaret Ann, 2008; Rohaizat & Zainiah, 2011; Roselita, 2007; Subadrah & Najeemah, 2011; Zainiah, 2009).

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesan pelaksanaan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA) terhadap kemahiran literasi awal kanak-kanak taska. Oleh itu, kajian ini dapat menyumbangkan literatur tentang keberkesanan strategi-strategi membaca yang berkesan bagi kanak-kanak seperti yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain (Cunningham & Allington, 1999; Cooper, 2008; Creech, 2008; Gober, 2008; Massetti, 2009; Mason & Allen, 1986; Miller, 2002; Morrow & Strickland, 1989; National Reading Panel, 2000a; Ping, 2009; Taberski, 2000; Taylor, Pearson, Clark, & Walpole, 1999). Maka, kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan oleh para pengkaji lain yang berminat menjalankan kajian tentang kemahiran literasi awal kanak-kanak taska.



1.10 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, skop kajian hanya mengkaji kesan pelaksanaan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA) terhadap kemahiran literasi awal kanak-kanak taska yang berumur empat tahun sahaja. Pengkaji tidak melibatkan kanak-kanak dalam peringkat umur yang lain kerana kemahiran literasi awal lebih menyerlah dalam kalangan kanak-kanak taska terutamanya yang berumur empat tahun (Whitehurst & Lonigan, 2001).





Kajian ini juga hanya menggunakan kaedah kuantitatif sepenuhnya iaitu melalui kuasi eksperimen (ujian pra dan ujian pasca), pemerhatian berstruktur, dan skor rubrik untuk mengenal pasti kesan pelaksanaan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA) terhadap kemahiran literasi awal kanak-kanak taska. Oleh itu, kajian ini tidak dapat menunjukkan data-data berbentuk kualitatif untuk menjelaskan perubahan pencapaian kemahiran literasi awal kanak-kanak taska dengan lebih mendalam dan terperinci.

Selain itu, sampel juga adalah terhad kepada 20 orang kanak-kanak yang berumur empat tahun di sebuah taska sahaja. Justeru, sampel kajian ialah tidak representatif untuk populasi yang lebih besar kerana pengkaji menggunakan pemilihan sampel secara tidak rawak dan secara bertujuan. Maka, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada semua kanak-kanak yang berumur empat tahun di Malaysia.

Tambahan pula, kajian ini hanya menggunakan sebuah instrumen untuk mengenal pasti tahap kemahiran literasi awal kanak-kanak iaitu Ujian Pengesanan Tahap Kemahiran Literasi Awal yang diubahsuai daripada *Get Ready to Read! Screening Tool* (GRTR-ST) (Whitehurst & Lonigan, 2001). Kebanyakan kajian menjelaskan penggunaan beberapa instrumen untuk mengukur tahap-tahap membaca adalah lebih baik dan lebih efisien (Molfese et al., 2004; Molfese et al., 2006; Pfaffinger, 2007; Whitehurst & Lonigan, 2001; Wilson & Lonigan, 2010).

Namun, dapatan kajian ini merupakan suatu usaha pendokumentasian awal tentang kemahiran literasi awal kanak-kanak taska. Justeru, kajian ini diharapkan





dapat menjadi panduan dan galakan kepada pihak-pihak tertentu untuk menjalankan kajian seumpama ini pada masa hadapan.

1.11 Definisi Istilah Kajian

Istilah-istilah yang dijelaskan melibatkan beberapa aspek utama berdasarkan pemahaman umum dan pemahaman dalam konteks kajian ini.

1.11.1 Kesan

Kamus Dewan (2007) menjelaskan kesan sebagai sesuatu (sama ada kebaikan atau keburukan) yang timbul daripada sesuatu kejadian (keadaan, perbuatan, dan tindakan). Dalam kajian ini, kesan merujuk pada sebarang perubahan sama ada positif atau negatif terhadap kemahiran literasi awal kanak-kanak taska setelah mendapat pelaksanaan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA).

1.11.2 Pelaksanaan

Kamus Dewan (2007) mendefinisikan pelaksanaan sebagai perihal, perbuatan atau proses melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) sesuatu rancangan atau tugasan. Dalam kajian ini, pelaksanaan merujuk pada proses menjalankan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA) oleh pengkaji terhadap kanak-kanak taska.





1.11.3 Modul Literasi Awal (MULA)

Modul Literasi Awal (MULA) merupakan program literasi awal yang diubahsuai daripada program *Get Ready to Read!* (GRTR) (Whitehurst & Lonigan, 2001) untuk kanak-kanak taska terutamanya yang berumur empat tahun. Dalam kajian ini, Modul Literasi Awal (MULA) merujuk pada 15 jenis aktiviti yang dapat meningkatkan kemahiran literasi awal kanak-kanak dalam aspek pengetahuan cetakan, tulisan awal, dan kesedaran fonologikal.

1.11.4 Kemahiran Literasi Awal



Dalam program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS), literasi ditakrifkan sebagai keupayaan membaca, menulis dan memahami perkataan dan ayat yang mudah dan kompleks dalam Bahasa Malaysia dan mengaplikasikan pengetahuan itu dalam pembelajaran dan komunikasi harian (Jabatan Perdana Menteri, 2010). Kamus Dewan (2007) dan Nemours Brightstart (2008) pula mendefinisikan literasi sebagai kebolehan menulis dan membaca atau celik huruf.

Dalam kajian ini, kemahiran literasi awal merujuk pada kemahiran, pengetahuan, dan sikap kanak-kanak tentang kemahiran membaca dan menulis sebelum mereka diajar kemahiran-kemahiran tersebut secara formal di sekolah. Kemahiran literasi awal terdiri daripada tiga komponen seperti berikut:

- a) Pengetahuan cetakan (*print knowledge*): pemahaman kanak-kanak terhadap buku, cetakan huruf, dan perkataan.





- b) Tulisan awal (*early writing*): usaha awal kanak-kanak untuk menggunakan tulisan dengan cara yang bermakna.
- c) Kesedaran fonologikal (*phonological awareness*): kebolehan mengenal pasti dan memanipulasi bunyi-bunyi bahasa berdasarkan makna yang tertentu.

1.11.5 Kanak-kanak

Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) mendefinisikan kanak-kanak sebagai individu yang berumur 18 tahun ke bawah (Lembaga Penyelidikan Undang-undang, 2008). Kamus Dewan (2007) pula menyatakan kanak-kanak sebagai budak lelaki atau perempuan yang masih kecil dan biasanya belum berumur lebih daripada tujuh atau



empat tahun iaitu lahir pada 1 Januari 2007 hingga 31 Disember 2007.

1.11.6 Taska

Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 (Akta 308) mendefinisikan Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) sebagai premis di mana empat atau lebih kanak-kanak di bawah umur empat tahun diterima masuk untuk dijaga dengan upah (Lembaga Penyelidikan Undang-undang, 1984). Kajian ini hanya melibatkan sebuah taska badan berkanun yang menggunakan Kurikulum PERMATA sebagai panduan dan asas asuhan dan didikan awal kanak-kanak.





1.12 Kesimpulan

Bab ini telah menjelaskan beberapa perkara yang menjadi asas pada hala tuju kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji. Latar belakang dan permasalahan kajian yang dibincangkan bertujuan untuk menyokong tujuan utama dan objektif kajian. Selain itu, persoalan dan batasan kajian dapat membantu pengkaji menetapkan fokus kajian yang tepat dan relevan. Keseluruhannya, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti kesan pelaksanaan aktiviti Modul Literasi Awal (MULA) terhadap kemahiran literasi awal kanak-kanak taska.

